

Headline	PDRM, FELDA United pamer watak juara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	48	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	317 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,732
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,197



PDRM, FELDA United pamer watak juara

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan FELDA United meneruskan rentak cemerlang dalam aksi terakhir pusingan pertama Liga Perdana, apabila menewaskan lawan masing-masing dalam saingan, semalam.

Di Shah Alam, barisan Dollah Salleh melengkapkan 11 perlawanan pusingan pertama Liga Perdana dengan kelebihan tiga mata di tangga teratas berbanding pasukan tangga kedua, Pulau Pinang selepas menjinakkan UiTM FC 2-0 di Stadium UiTM, di sini.

Pasukan PDRM yang buntu dengan corak taktikal bertahan 5-3-2 diterap jurulatih UiTM, Azuan Zain berjaya memecah kebuntuan selepas penyerang importnya, Chad Charles Souza menanduk masuk bola hantaran lintang Ashfaq Ali dari sebelah kanan pada minit ke-68.

Seorang lagi pemain import, Muhamadou Sumareh yang masuk menggantikan Ashfaq menambah jaringan kedua PDRM, juga menerusi tandukan pada minit ke-89 selepas menerima lambungan cantik Fadhil Hashim dari sebelah kiri untuk penjaga gol UiTM, Norhadi Ubaidillah tewas buat kali kedua.

Meskipun menganggap persembahan anak buahnya serba tidak menjadi susulan keletihan

beraksi dalam keadaan cuaca panas terutama pada separuh masa pertama, Dollah berharap rentak kemenangan dalam tiga perlawanan berturut-turut itu dapat diteruskan sebaik saingan pusingan kedua disingkap dengan PDRM berdepan KL SPA di Stadium Hang Jebat, Melaka, Jumaat ini.

Tidak bermaya

“Apa yang penting, kita perlu meneruskan rentak kemenangan ini sepanjang pusingan kedua nanti jika mahu muncul dua pasukan teratas layak ke Liga Super 2015. Seperti yang selalu saya ingatkan kepada pemain, kita tak boleh leka berdepan pasukan mana se-

kali pun.

“Tapi hari ini (semalam), kita bukannya leka tetapi pemain tampak keletihan dan tidak bermaya. Mujur kita berjaya dapat juga dua gol pada babak kedua. Tiga mata ini yang lebih penting dan membuatkan saya berasa sedikit lega,” katanya selepas perlawanan.

● **Di Selayang, FELDA United** meraih kemenangan keempat berturut-turut selepas menundukkan Kedah 1-0 di Stadium Selayang, malam tadi untuk merapatkan jurang mata dengan dua pasukan teratas Liga Perdana.

Gol kemenangan skuad kendalian Irfan Bakti Abu Salim itu diperoleh menerusi penyerang import, Edward Junior Wilson pada minit ke-63.

Lancar serangan

Dalam perlawanan malam tadi, babak pertama menyaksikan FELDA United lebih banyak melancarkan serangan termasuk rembatan kencang dari luar kotak penalti Junior Wilson yang sempat ditepis keluar penjaga gol

Kedah, Abdul Hadi Hamid pada minit ketujuh dan percubaan jarak jauh pemain sayap, Ahmad Syamim Yahya yang terkena palang pada minit ke-31.

Namun situasi berbeza pada awal permainan babak kedua apabila Kedah pula bertubi-tubi mengasak ke kubu FELDA United dengan percubaan satu lawan satu dimiliki Billy Osman Mehmet berjaya dihadang penjaga gol, Farizal Harun pada minit ke-49 manakala rembatan cantik Faizal Abu Bakar seminit kemudian sedikit sipi.

Bagaimanapun FELDA United akhirnya berjaya memecah kebuntuan pada minit ke-63 apabila Junior Wilson mudah menolak masuk bola lorongan Indra Putra Mahayuddin dari sebelah kiri untuk gol pembukaan tuan rumah. -
Oleh Wan Fakhru Bakar

Headline	PDRM, FELDA United pamer watak juara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	48	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	317 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,732
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,197



Pemain Kedah, Shafizan Hashim (tengah) **mengasak** pemain FELDA United, Edwad Junior Wilson (kiri) dalam perlawanan Liga Perdana di Stadium Selayang, malam tadi. (FOTO HASRIYASYAH SABUDIN/BH)